



**YB. SOON LIP CHEE**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

---

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE  
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG  
PADA 25 FEBRUARI 2021**

**PEMBUKAAN DAN MASA PENGOPERASIAN STADIUM, KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI, TAMAN REKREASI SERTA EMPANGAN DI BAWAH SELIAAN AGENSI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Mengambil kira kelonggaran kepada sektor sukan dan rekreasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa stadium, kompleks sukan dan rekreasi, taman rekreasi serta empangan di bawah seliaan agensi kerajaan negeri dibuka kepada penggunaan orang awam bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran diri dalam tempoh PKP.

Adalah dimaklumkan bahawa Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan di bawah seliaan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) adalah dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga 9.00 pagi dan dari 5.00 petang hingga 7.00 petang dan ianya dihadkan kepada 30 pengunjung pada satu-satu masa sahaja.

Di samping itu, taman rekreasi dan empangan di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) adalah dibenarkan pembukaannya kepada orang awam mulai 26 Februari 2021 dengan masa pengoperasian dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Taman Rekreasi Bukit Dumbar, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam, ianya dihadkan kepada 200 pengunjung pada satu-satu masa sahaja; manakala bagi Empangan Mengkuang pula, bilangan pengunjung adalah dihadkan kepada 350 pengunjung pada satu-satu masa sahaja.

Sementara itu, Kompleks Sukan dan Rekreasi seperti Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Jalan Betek, Bukit Mertajam dan Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Bertam, Kepala Batas di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah dibenarkan pembukaannya kepada orang awam dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang untuk trek jogging serta 7.00 pagi hingga 10.00 malam untuk pembukaan fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (indoor).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira pandangan rakyat negeri Pulau Pinang agar memastikan semua rakyat dapat bersukan dalam keadaan yang selamat dengan mengambil kira isu keseimbangan dalam aspek kesihatan awam. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon supaya rakyat negeri Pulau Pinang dapat bekerjasama dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KBS bagi membantu memutuskan rantai penularan pandemik Covid-19 ini.

**SOON LIP CHEE**

**EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG**